

Kempen mampu cegah kes jenayah

SINAR 16/10/2009 MS 25

HULU LANGAT – Pelancaran 'Kempen Kesedaran Jenayah Jalanan' yang berlangsung di Institut Kemahiran Belia Negara, Dusun Tua dekat sini mampu memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat khususnya kepada golongan belia.

Komandan Maktab Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kuala Lumpur, Datuk Shahbudin Abdul Wahab berkata, program itu adalah anjuran peserta Program Pengajian Diploma Siswazah Sains Képolisian 2009/2010 Maktab PDRM Kuala Lumpur.

"Melalui program sebegini kita mampu mengungkap jenayah jalanan daripada berlaku dan secara tidak langsung hubungan dua hala antara polis dan masyarakat dapat dikekalkan.

"Dengan adanya jalinan kerjasama antara masyarakat dan polis maka diharap-



● Antara tetamu kehormat yang hadir pada Pelancaran 'Kempen Kesedaran Jenayah Jalanan' yang berlangsung di Institut Kemahiran Belia Negara, Dusun Tua.

kan kejadian jenayah jalanan yang semakin berleluasa dapat dibanteras hingga ke akar umbi," katanya.

Hadir sama, Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner, Mohd Sakaruddin Che Mood.

Shahbudin berkata, beliau merakamkan setinggi

penghargaan dan syabas kepada peserta program serta pengurusan IKBN kerana berjaya melaksanakan program tersebut dengan jayanya.

Manakala, Presiden Program Diploma Siswazah

Sains Képolisian Sesi 2009/2010, Superintendent Hassim Justin berkata, kesedaran mengadakan 'Kempen Kesedaran Jenayah Jalanan' melalui saranan aspirasi Perdana Menteri.

Hassim berkata, beliau

menetapkan sasaran pengurangan jenayah jalanan sebanyak 20 peratus pada penghujung 2010 malah pemilihan IKBN sebagai lokasi kempen amat sesuai serta bertepatan memandangkan pelatih di situ akan menjadi agen perubahan setelah selesai

menjalannya kelak.

"Bagi memastikan tindakan PDRM menjadi lebih berkesan maka kerjasama daripada setiap ahli masyarakat amat diperlukan terutamanya dalam menyalurkan maklumat mengenai cubaan melakukan jenayah, yang dilihat di kawasan mereka dan kegiatan jenayah itu dapat diberkas serta dicegah dengan cepat," katanya.

Menurut Hassim, ribuan terima kasih diucapkan kepada IKBN berikutan sumbangan tenaga yang disumbangkan walaupun ia adalah petanda baik ke arah kerjasama lebih erat antara masyarakat dan polis demi memelihara keamanan serta kesejahteraan negara.

**jalinan
kerjasama**

Dapatkan berita terkini & berita edisi secara online
www.sinarharian.com.my